

06 DEC 1997

LIMA-Kit Siang

LANGKAH BARU EKONOMI KEMBALIKAN KEYAKINAN, KATA KIT SIANG

LANGKAWI, 6 Dis (Bernama) -- Ketua Pembangkang Lim Kit Siang hari ini muncul daripada pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menyatakan sokongan kepada langkah-langkah baru ekonomi yang diumumkan kerajaan semalam yang menurutnya telah mengembalikan "sedikit keyakinan" kepada pelabur.

Beliau menyifatkan langkah-langkah itu sebagai tindakan mengikut arah yang betul.

"Ia telah meningkat...mengembalikan sedikit keyakinan. Tetapi sama ada ia boleh mengembalikan keyakinan sepenuhnya, Saya fikir ia belum boleh dilihat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan selama 40 minit dengan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir berada di sini menghadiri Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) keempat.

Lim, yang juga setiausaha agung DAP, mengulangi pendiriannya bahawa belanjawan kedua 1998 perlu dibentangkan di Parlimen sebagai susulan kepada langkah terbaru itu.

Semalam, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat menemui Dr Mahathir di sini selama kira-kira 30 minit untuk meminta bantuan kewangan daripada kerajaan persekutuan bagi negeri yang diperintah Pas itu.

Lim berkata, persidangan Dewan Rakyat sekarang, yang berakhir Isnin ini, sepatutnya dilanjutkan seminggu lagi bagi membolehkan belanjawan kedua dibentangkan berikutan Belanjawan 1998 yang beliau sifatkan sebagai gagal mengembalikan keyakinan pelabur.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan satu siri langkah berjimat cermat termasuk pemotongan 18 peratus perbelanjaan persekutuan.

Beliau juga mengurangkan kadar pertumbuhan negara untuk tahun depan kepada antara empat dan lima peratus untuk mengembalikan keyakinan pelabur.

Langkah lain termasuk mengurangkan akaun defisit daripada empat peratus kepada tiga peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang akhir tahun depan, menangguhkan semua projek mega, termasuk pembinaan jambatan darat antara Malaysia dan Thailand dan melindungi pendeposit dalam sistem perbankan.

Pemimpin DAP itu berkata keadaan telah menjadi bertambah buruk selepas Belanjawan 1998 dibentangkan di Parliamen pada 17 Okt.

"Jadi apa yang berlaku semalam (semasa langkah-langkah baru diumumkan) adalah langkah yang mengikut arah yang betul, agak lambat tetapi belum cukup komprehensif, sepatutnya ada Belanjawan kedua sebagai perlindungan kepada cadangan semalam dan lain-lain cadangan bagi memastikan ia memberikan kesan yang bermakna terhadap krisis ekonomi," katanya.

Mengenai perjumpaannya dengan Dr Mahathir, Lim berkata beliau bertukar-tukar pendapat dengan Perdana Menteri mengenai situasi ekonomi di negara ini.

"Dr Mahathir memberi penjelasan kepada kami mengenai krisis ekonomi dan kami turut memberikan pandangan kami kepada Perdana Menteri mengenai pelbagai aspek krisis ekonomi negara," katanya tetapi enggan menjelaskan perkara itu secara terperinci.

Lim berkata, beliau turut membincangkan mengenai penyertaan DAP dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dijadual ditubuhkan pada bulan ini dengan Dr Mahathir.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu yang

menyambut baik langkah itu berkata, kementeriannya juga telah mengambil beberapa langkah serius untuk mengurangkan pelaksanaan projek-projek yang tidak begitu penting.

"Kita tidak akan berbelanja terhadap perkara-perkara yang tidak perlu," katanya semasa dihubungi di Kuala Lumpur hari ini.

Samy Vellu berkata, beliau akan mengawasi agar tidak berlaku pembaziran dalam pelaksanaan projek-projek Jabatan Kerja Raya dan kementerian.

Samy Vellu, yang juga Presiden MIC, berkata langkah-langkah terbaru itu akan "membuatkan negara berada dalam keadaan yang teratur."

"Ini merupakan berita yang terbaik. Dengan langkah sedemikian, semua orang termasuk dalam kerajaan dan sektor swasta harus mengambil langkah untuk memperkukuhkan kedudukan masing-masing," katanya.

Beliau juga menyambut baik langkah kerajaan untuk melindungi pendeposit dalam sistem perbankan dengan menyatakan ia merupakan berita baik kepada golongan miskin kerana "kini mereka boleh berasa tenang."

Samy Vellu turut mengesa orang ramai supaya membelanjakan wang mereka secara bijak. -- BERNAMA

ES RHM AKD